

## TANGGUNGJAWAB MENJAGA ADAB MENUNTUT ILMU SEMASA SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT)

NUR KHAMSIAH BINTI ADAN

[nur.khamsiah86@gmail.com](mailto:nur.khamsiah86@gmail.com)

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan

### ABSTRAK

Adab menuntut ilmu adalah satu perkara yang penting dalam proses mendapatkan ilmu pengetahuan. Bermula dengan kaedah penyampaian ilmu pada zaman Rasulullah SAW yang dilakukan secara *halaqah*, kemudian secara bersemuka di dalam kelas atau bilik darjah, kini kaedah Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian (PdPDT) semakin meluas dipraktikkan berikutan perubahan teknologi yang pesat. Dengan perubahan kaedah pembelajaran ini, ianya telah menyebabkan pengabaian pendidikan adab dalam silibus baru yang diperkenalkan. Tambahan pula, penggunaan kaedah PdPDT secara mendadak telah melunturkan sikap dan peribadi seorang pelajar kerana mereka beranggapan tiada guru dihadapan mereka. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menerapkan semula tanggungjawab pelajar dan guru dalam menjaga adab-adab menuntut ilmu walaupun semasa sesi PdPDT. Kajian ilmiah ini yang menggunakan metodologi kajian perpustakaan iaitu kajian secara penelitian, pengumpulan bahan-bahan rujukan seperti buku, artikel jurnal, majalah dan akhbar, serta membaca dan membuat kesimpulan yang terbaik. Dapatan kajian ini memperlihatkan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pihak yang terlibat khususnya pelajar, guru dan ibu bapa dalam menjaga adab-adab dalam menuntut ilmu walaupun kaedah pembelajaran dalam talian dilaksanakan. Kesimpulannya, apabila adab-adab menuntut ilmu ini dipegang dengan penuh kebertanggungjawaban serta ikhlas dan sempurna maka semua pihak akan memperolehi ganjaran pahala, ilmu yang bermanfaat dan diredhai Allah SWT.

**Kata kunci:** Tanggungjawab; Pembelajaran dalam Talian; Adab; Ilmu; Pendidikan Islam

### 1. Pengenalan

Bagi menghadapi cabaran baru dalam era globalisasi, perubahan proses pengajaran dan pembelajaran perlu seiring dengan perkembangan pesat teknologi supaya generasi hari ini dapat bersaing dengan dunia luar sekaligus dapat membentuk pelajar yang berdaya saing, berkemahiran, memenuhi keperluan pasaran serta mempunyai nilai tambah dalam diri (Mohd Rashidi Omar, 2014). Dengan demikian, kaedah penyampaian ilmu secara dalam talian telah pun bermula dalam tahun 2011. Kaedah ini semakin popular di awal tahun 2016 di beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia dengan memperkenalkan kaedah pembelajaran jarak jauh (PJJ) untuk menggalakkan orang awam untuk menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi (Kok Boon Shiong, 2016). Kaedah penyampaian ilmu secara interaktif berasaskan multimedia ini atau lebih dikenali dengan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian (PdPDT) adalah salah satu implikasi daripada perkembangan pesat Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Ianya juga adalah salah satu alternatif kaedah penyampaian ilmu sejak berlakunya penyebaran wabak pandemik Covid-19 yang berlaku pada akhir tahun 2019 yang telah menyekat orang awam untuk keluar menuntut ilmu. Ini berbeza dengan kaedah penyampaian ilmu di zaman Rasulullah SAW yang menggunakan kaedah secara *halaqah* iaitu guru duduk bertentangan di hadapan murid. Menurut Kamus Mu'jam al-Wasit, *halaqa* atau *halqah* bermaksud satu kumpulan yang duduk dalam satu bulatan bagi mempelajari sesuatu ilmu daripada seseorang guru. *Halaqah* juga boleh didefinisikan

sebagai majlis ilmu yang berjalan secara *talaqqi* dalam *halqah* atau *halaqah* seseorang guru (Mohd Zahirwan, 2020). Rasulullah SAW telah menyampaikan segala perintah dan larangan daripada Allah SWT dalam bentuk penerangan, perbuatan, menunjukkan akhlak dan peribadi yang baik mengikut situasi, masa dan keadaan yang sesuai pada zaman tersebut. Kemudian, kaedah pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara bersemuka di sekolah-sekolah dan di institusi pengajian tinggi dan seterusnya berkembang dengan pembelajaran secara interaktif multimedia.

Perubahan ini telah memberi kesan dari segi tempoh pertemuan di antara guru dan murid kerana sesi pengajaran dan pembelajaran diadakan dalam talian. Akibatnya, sikap, tingkah laku serta adab para pelajar semasa sesi pembelajaran semakin terhakis dan sukar dibentuk kerana tidak ada pemantauan secara langsung daripada tenaga pengajar atau guru. Berdasarkan kajian lepas dan perubahan teknologi masa kini, didapati keperluan kepada kajian mengenai adab guru dan pelajar perlu ada penambahbaikan yang lebih khusus kepada tanggungjawab menjaga adab-adab menuntut ilmu, kemudian dihubungkan dengan perubahan kaedah pengajaran dalam talian yang hasilnya akan membantu para guru dan pelajar membaiki kelemahan semasa sesi pembelajaran dalam talian berlangsung. Oleh yang demikian, kajian ini akan menerangkan dan menegaskan tanggungjawab guru dan pelajar dalam menjaga adab semasa sesi penyampaian ilmu dijalankan secara dalam talian supaya adab-adab menuntut ilmu yang biasa diketahui umum tidak dipandang enteng walaupun guru dan murid tidak bersemuka. Hal ini juga bertepatan dengan cadangan daripada sarjana-sarjana akademik kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memasukkan sukatan pelajaran Pendidikan Adab Menuntut Ilmu di dalam silibus sekolah-sekolah di Malaysia untuk menerapkan nilai agama serta moral sekaligus menjadi rujukan utama pada masa akan datang (Yaakub, 2018).

### 1.1 *Tanggungjawab*

Tanggungjawab adalah kemampuan seseorang untuk menjalankan suatu kewajipan kerana adanya dorongan di dalam dirinya, biasanya disebut juga dengan panggilan jiwa (Abdullah, 2010). Definisi tanggungjawab adalah suatu perbuatan untuk siap sedia menanggung segala sesuatu hal yang muncul sebagai akibat dari kelakuan dan aktiviti seseorang (Magdalena, 2011). Menurut Kamus Dewan (2010), tanggungjawab ialah kewajipan yang dipikul oleh seseorang atau segala yang wajib ditanggung. Dalam Islam, tanggungjawab disebut sebagai *al-Taklif*. Dari segi bahasa *al-taklif* bermaksud penat dan sukar (Kamarudin W. Z, 2009). Menurut Kamarudin W. Z (2009), beliau membahagikan *al-taklif* kepada dua bahagian iaitu, *taklif ma la yutaq* (kewajipan di luar kemampuan) dan *taklif ma yutaq* (kewajipan dalam kemampuan). *Taklif ma la yutaq* tidak banyak dibincangkan kerana ia adalah tanggungjawab yang terpaksa dilaksanakan oleh setiap muslim seperti kewajipan menunaikan solat 5 kali sehari. Untuk perbincangan ini, *taklif ma yutaq* iaitu kewajipan dalam kemampuan akan dibincangkan kerana guru, murid malah ibu bapa berada dalam tahap kemampuan untuk menjaga adab menuntut ilmu tidak kira sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Sekiranya terdapat kelalaian dalam menjaga adab menuntut ilmu, maka guru dan murid akan menanggung akibat daripada sikap lalai tersebut seperti akan melahirkan pelajar yang tidak berakhlak, mempunyai tingkah laku yang kurang sopan dan menjadikan pelajar masa kini tidak menghormati ilmu yang dipelajarinya. Sebagai contoh, isu yang banyak kali tular semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), mendapati murid dan ibu bapa tidak berpakaian

sopan ketika kelas dalam talian dijalankan. Ini akan menyebabkan guru akan berasa malu dalam situasi tersebut dan ilmu akan sukar untuk disampaikan. Mengikut kajian Muhammad Atiullah, (2016), kewujudan pengetahuan mengenai tanggungjawab sangat diperlukan supaya setiap individu itu memahami tanggungjawab mereka. Ibu bapa perlu tahu tanggungjawab menjaga adab semasa anak-anak mereka menjalankan kelas dalam talian, dan anak-anak pula perlu tahu adab-adab menuntut ilmu yang umum seperti berdisiplin dan menutup aurat.

## 1.2 Adab-Adab Menuntut Ilmu

Adab menuntut ilmu adalah satu perkara yang penting untuk dipelajari sebelum mendapatkan ilmu. Para sarjana Islam terdahulu lebih menekankan pembentukan adab dan akhlak setiap pelajar yang menghadiri majlis ilmu berbanding penyampaian ilmu itu sendiri (Adibah, 2019). Seperti yang dinyatakan oleh Imam Malik ibn Anas “Belajarlah adab sebelum kamu mempelajari ilmu pengetahuan” (Adibah, 2019). Banyak perbincangan mengenai adab menuntut ilmu seperti tulisan Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* dan Burhanuddin Az-Zarnuji dalam kitab *at-Ta'limat Wal Muta'allim*. Malah, menurut Prof. Dr. Hamka beliau menyatakan bahawa “kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan pada wajah dan pakaiannya”. Mengikut Kamus Pelajar Edisi Kedua definisi adab dari segi bahasa ialah budi pekerti yang halus; tingkah laku yang baik dan budi bahasa. Beradab pula bermaksud seseorang individu atau kumpulan telah maju tingkat kehidupannya dari segi peradaban sistem dan tahap perkembangan sosial sesuatu bangsa. Dalam istilah arab pula, perkataan adab berasal daripada perkataan “*al-Adabu*” yang bermakna kumpul iaitu berkumpulnya sifat-sifat yang baik pada seorang hamba. Maka, menurut Islam, definisi adab ialah kebaikan akhlak, sikap, sifat dan perilaku sama ada pada diri individu atau hubungannya dengan individu lain. Ia juga merangkumi tingkah laku manusia yang berasaskan kepada nilai, etika, moral, budi bicara, budi pekerti, kesopanan dan kehalusan (Adibah, 2019). Maka dalam kajian ini, akhlak yang baik serta nilai-nilai murni di kalangan guru dan pelajar akan ditekankan supaya adab semasa sesi PdPDT tidak di ambil ringan.

### 1.2.1 Adab Menuntut Ilmu Sebagai Guru

Pembelajaran dalam talian telah menjadikan para pendidik atau guru supaya lebih kreatif dan inovatif dalam mendidik dan menyampaikan ilmunya kepada pelajar. Peranan guru sangat penting dalam menjayakan usaha penyampaian maklumat dan dalam masa yang sama guru perlu menjaga personaliti yang baik dan tingkah laku yang sopan. Mengikut kajian Mohd Anuar (2014), beliau mengkaji adab-adab guru menurut Imam Abu Hanifah telah membahagikan adab sebagai seorang guru kepada lima bahagian. Pertama, sentiasa mengambil peluang untuk belajar dan beristiqamah. Dalam konteks pembelajaran dalam talian, guru perlu menguasai ilmu teknologi dengan baik mengikut peredaran masa supaya dapat memahami kehendak pelajar masa kini. Berbagai aplikasi dan medium untuk menyampaikan maklumat seperti *Google Meet*, *Zoom*, *Webex*, *Microsoft Teams*, dan lain-lain lagi. Guru perlu memilih platform digital yang paling sesuai supaya hubungan guru dan murid dapat dikekalkan dan dapat berkomunikasi secara langsung walaupun tidak berjumpa. Kedua, berusaha meningkatkan amalan. Imm Abu Hanifah menyatakan seorang guru mestilah sentiasa berusaha meningkatkan amalan dan ibadatnya kerana tujuan pendidikan itu adalah untuk membentuk peribadi yang baik dan mendapatkan keredhaan Allah dengan menerapkan perasaan

ikhlas dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar (Adibah, 2019). Sekiranya guru tidak mengamalkan segala amal ibadat, masyarakat akan beranggapan bahawa guru hanya mementingkan ilmu bukan amalan (Mohd Anuar, 2014). Justeru, ini akan menyukarkan guru untuk menjadi contoh teladan yang baik kepada anak murid. Seperti mana yang pernah dinukilkan oleh Burhanuddin Al-Zarnuji dalam kitabnya *At-Ta'lim Wal Muta'allim* “tidak ada ilmu melainkan untuk beramal dengannya”.

Ketiga, sentiasa bercakap berkaitan ilmu dan adabnya. Imam Abu Hanifah mengingatkan para guru supaya menjauhkan diri daripada percakapan yang sia-sia. Menjawab persoalan yang dikemukakan juga perlulah mengikut tertib supaya tidak mengelirukan pelajar. Sebagai contoh, guru yang menjawab persoalan di media sosial kebanyakannya akan memberikan ayat-ayat yang terselindung dan mempunyai makna yang lain. Ini akan mengelirukan pelajar dan pelajar juga akan mengikut gaya atau teknik menjawab daripada guru tersebut. Keempat, guru sentiasa memberi perhatian dan motivasi kepada pelajar. Sudah menjadi kebiasaan, tanggungjawab seorang guru untuk menasihati dan mengambil berat tentang keadaan pelajar-pelajarnya. Kaedah PdPDT yang digunakan hari ini hakikatnya melibatkan kos yang tinggi kerana perlu menyediakan peralatan komunikasi seperti telefon pintar, komputer riba, pembelian data atau capaian internet. Keadaan ini menyebabkan tidak semua pelajar berkemampuan untuk mendapatkan peralatan untuk proses PdPDT. Maka, guru perlu ambil tahu keadaan pelajar agar perhubungan yang baik dapat dibentuk dan pelajar akan rasa dihargai serta sentiasa akan berusaha menunjukkan sikap yang baik seperti gurunya. Dan yang kelima, sebagai seorang guru, mereka digalakkan sentiasa mendoakan dan menziarahi para guru sebelumnya. Ini adalah adab yang sangat penting supaya jasa guru-guru terdahulu sentiasa diingati dan disanjung dalam mendidik mereka. Sebagai contoh, guru terdahulu lebih berpengalaman mendidik pelajar, maka guru yang ada pada hari ini boleh mengambil pendekatan dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dahulu dan sekarang sesuai mengikut situasi semasa.

### 1.2.2 Adab Menuntut Ilmu Sebagai Pelajar

Adab semasa menuntut ilmu sangat dititikberatkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Sarjana-sarjana Islam terdahulu lebih menekankan adab dan akhlak sebelum ilmu disampaikan seperti yang dinyatakan oleh Imam Malik Ibn Anas “beljarlah adab sebelum kamu mempelajari ilmu pengetahuan”. Oleh yang demikian, seseorang pelajar tidak akan terlepas daripada mempelajari dan memahami adab menuntut ilmu ketika sesi penyampaian ilmu dilakukan. Adibah (2019), membahagikan adab pelajar ketika menuntut ilmu kepada lima bahagian iaitu, adab terhadap diri sendiri, adab dengan guru, adab dengan ilmu, adab dengan buku dan adab dengan majlis ilmu.

Adab dengan diri sendiri adalah perkara pertama yang diperlukan oleh seseorang pelajar ketika menuntut ilmu. Pelajar hendaklah memulakan pelajaran dengan niat yang ikhlas semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan menyucikan jiwa sebelum memulakan kelas (Imam An-Nawawi). Dengan itu, pelajar dituntut untuk menjauhi perkara-perkara maksiat dan perkara-perkara yang boleh membawa kepada fitnah sepanjang menuntut ilmu. Walaupun ketika sesi PdPDT, pelajar dikehendaki sentiasa membetulkan niat dan perlu ada nilai kesungguhan untuk belajar. Bahkan pelajar juga haruslah mempunyai rasa jujur dan bertanggungjawab untuk setiap mata pelajaran yang memerlukan mereka untuk menggunakan platform digital kerana guru tidak

berada di hadapan mereka sentiasa. Perkara kedua adalah adab dengan guru. Adab dengan guru adalah perkara penting dalam menuntut ilmu. Ini bertepatan dengan pendapat Az-Zarnuji “seorang penuntut ilmu tidak akan mampu memiliki ilmu dan mengambil manfaat daripada ilmunya melainkan cara menghormati ilmu dan menghormati gurunya dan siapa yang mengajarkan kamu satu huruf untuk memahami agama, maka dia adalah bapa kamu dalam agama” (Adibah, 2019). Apabila pelajar berhadapan dengan guru, pelajar mestilah menunjukkan tanda hormat dengan memberi salam, meminta izin untuk masuk ke kelas, dan memberitahu sekiranya ada keperluan untuk diselesaikan semasa sesi PdPDT berlangsung. Dalam melaksanakan PdPDT, adab dengan guru mestilah diaplikasikan mengikut cara yang sesuai seperti membuat persediaan awal dan bersedia untuk masuk ke kelas, memberi salam sejurus selepas guru menekan butang terima, meletakkan pembesar suara dalam keadaan senyap, membuka kamera semasa bercakap, meminta izin dan memberi ucapan terima kasih untuk keluar daripada talian apabila telah tamat sesi PdPDT, memohon maaf sekiranya talian mempunyai masalah, membuat semua tugas yang diberikan serta mempelajari dan menguasai pengetahuan berkaitan aplikasi dalam talian supaya proses pembelajaran dalam talian berjalan dengan lancar. Dan yang terakhir, pelajar yang berjaya menjaga adabnya dengan guru adalah dengan mendoakan gurunya, memuliakan guru di dalam dan di luar kelas, dan menegur gurunya ketika berada diluar sesi pembelajaran atau pun selepas tamat pengajian. Kaedah pembelajaran terkini telah menyebabkan pelajar tidak mengenali gurunya dengan lebih dekat, maka sikap dan sifat yang baik daripada guru agak sukar dijadikan contoh dan ini membawa kepada terhakisnya adab dengan guru bagi seorang pelajar.

Ketiga, adab dengan ilmu. Adab dengan ilmu melibatkan pengetahuan dan penguasaan yang dipelajari oleh pelajar. Ilmu yang diperolehi adalah daripada lisan seorang guru dan buku-buku yang dijadikan sebagai rujukan. Pengumpulan maklumat mestilah daripada seorang guru yang berkemahiran dan berkefahaman dalam bidangnya. Ulama terdahulu mengatakan “janganlah mengambil ilmu daripada orang yang mengambilnya secara langsung daripada buku tanpa mempelajarinya daripada para guru. Sesiapa yang mengambil ilmu terus daripada buku, maka ia berkemungkinan keliru dan menyimpang dari kefahaman yang benar” (Adibah, 2019). Capaian internet yang berkembang pesat telah memudahkan orang ramai untuk mendapatkan sesuatu maklumat diujung jari. Dengan demikian, pelbagai peringkat umur malah generasi masa kini lebih gemar mempelajari sesuatu bidang hanya dengan menonton aplikasi *Youtube* iaitu satu aplikasi media atas talian yang berbentuk video yang menunjukkan cara-cara atau sesuatu perbuatan itu dilakukan, perbincangan mengenai agama dan lain-lain lagi. Perkara seperti ini telah menyebabkan apa-apa ilmu yang disampaikan oleh guru sebenar dianggap remeh kerana pelajar lebih percaya kepada *Youtube*. Perkara seperti ini sangatlah mengecewakan bagi para guru dan pendidik kerana pemindahan ilmu itu bukan semata-mata penyampaian maklumat, tetapi ia mestilah berkaitan dengan kefahaman pendidikan dan pembentukan sahsiah diri yang mana ke semua ini hanya akan diperolehi daripada contoh dan tunjuk ajar daripada seorang guru (Adibah, 2019). Kes menuntut ilmu daripada *Youtube* ini pernah didedahkan berkenaan seorang doktor gigi telah mendapatkan ilmu perubatan gigi hanya di dalam *Youtube* sehingga membuka sebuah klinik gigi tanpa apa-apa pengiktirafan. Perkara seperti ini telah meruntuhkan kredibiliti profesion sebagai seorang doktor yang dianggap salah satu bidang pendidikan yang paling tinggi. Maka, hari ini kita boleh lihat, penjagaan adab dalam ilmu dapat dilihat semakin berkurangan kesan dari perubahan kaedah penyampaian maklumat.

Keempat, adab pelajar dengan buku. Seorang pelajar bukan sahaja perlu menghormati guru dan ilmu yang dipelajarinya. Bahkan buku atau kitab-kitab yang dijadikan sebagai sumber rujukan juga perlu dipelihara adabnya. Penjagaan adab bersama buku bermaksud, pelajar perlu memiliki buku sebagai bahan rujukan pengajian, membeli buku sekiranya berkemampuan dan meminjamnya jika tidak mampu. Tambahan pula, menjaga adab bersama buku bermaksud dengan meletakkan ia ditempatkan yang tinggi, berada dalam keadaan bersuci iaitu berwuduk apabila ingin membaca buku atau menuntut ilmu, malah cara penyusunan buku juga mestilah mengikut susunan kedudukan paling teratas seperti kitab al-Quran adalah rujukan yang paling tinggi, diikuti dengan Al-Hadith dan seterusnya. Menurut Sufyan Al-Thauri, “sesiapa yang kedekut dengan ilmunya, dia akan diuji dengan tiga perkara, iaitu sama ada dia akan lupa akan ilmu dan tidak mampu menghafal, atau dia meninggal dunia sedangkan dia tidak mampu mengambil manfaat dari ilmunya, atau dihilangkan buku daripada dirinya”. Bukti kenyataan daripada Sufyan Al-Thauri dapat dilihat pada hari ini apabila pelajar-pelajar telah melemparkan buku dan nota-nota ke dalam sungai apabila telah tamat pengajian atau peperiksaan tanpa ada rasa kesal dengan perbuatan mereka. Kesan PdPDT juga telah membuatkan pemilikan buku sebagai bahan rujukan tidak diwajibkan di institusi pengajian tinggi kerana kebanyakan rujukan di ambil daripada salinan lembut (*softcopy*) atau *e-book*. Situasi seperti ini menambahkan lagi sikap tidak berakhlak dengan ilmu di kalangan para pelajar.

Dan yang kelima, adab dalam majlis ilmu. Majlis ilmu adalah satu tempat bagi guru dan pelajar berkumpul untuk sesi penyampaian ilmu. Pada zaman Rasulullah SAW, masjid dan rumah baginda adalah tempat yang paling banyak diadakan majlis ilmu yang diadakan secara *halaqah*. Sahabat duduk berhadapan dengan Rasulullah SAW dan jarak kedudukan yang paling dekat dengan guru adalah yang paling baik kerana dapat membantu pelajar memahami pengajaran guru (Adibah, 2019). Selain itu, seorang pelajar yang ingin menghadiri majlis ilmu perlulah bersegera untuk sampai awal ke majlis dan tidak lewat, duduk dan menjaga pergerakan badan agar tidak berlebihan, tidak dibenarkan berpaling ke kiri dan ke kanan semasa guru menyampaikan ilmu, tidak ketawa atau meninggikan suara tanpa keperluan, membaca doa dan selawat ke atas Rasulullah SAW dan para sahabat sebelum memulakan majlis serta bertanyakan soalan sekiranya tidak faham atau tidak jelas dengan penerangan guru. Berbeza dengan zaman teknologi pada hari ini, kaedah PdPDT telah mengubah keadaan majlis ilmu daripada bersemuka kepada atas talian. Namun, perkara yang disebutkan dalam menjaga adab semasa majlis ilmu masih boleh dipraktikkan ke atas pelajar dalam talian, seperti pelajar masuk segera ke dalam aplikasi sebaik sahaja guru berkongsi talian perhubungan, membuka kamera semasa guru memulakan percakapan, duduk dalam keadaan selesa sama seperti duduknya seorang pelajar di dalam kelas dan bukannya berbaring di atas katil, menghormati guru semasa sesi penyampaian ilmu dengan meletakkan pembesar suara dalam keadaan senyap dan tidak membuat aktiviti lain semasa kuliah walaupun pada mata kasar seorang guru tidak nampak apa yang dilakukan oleh pelajar di sebalik skrin komputer. Kejujuran dan bertanggungjawab adalah perkara yang paling penting dalam menjaga adab pembelajaran secara dalam talian kerana ia bergantung kepada diri seorang pelajar itu sendiri bahawa hanya dirinya sahaja yang tahu perbuatan yang dilakukan ketika sesi PdPDT berlangsung.

### **1.3 Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah satu kaedah penyampaian ilmu atau maklumat yang dilaksanakan secara formal atau tidak formal melibatkan guru dan pelajar. Tanpa keduanya maka proses PdP tidak akan berlaku. Kaedah PdP yang formal memerlukan ianya disusun dengan kemas dan teratur supaya rancangan untuk menyampaikan maklumat berlaku mengikut aturan yang telah ditetapkan. Pengajaran bermaksud satu aktiviti atau metod yang digunakan oleh guru untuk proses pemindahan maklumat. Guru akan membuat perancangan yang rapi sebelum sesi pengajaran termasuklah bersedia dari segi ilmu pengetahuan, bahan bantu mengajar, kepelbagaian aktiviti, keberanian dalam penyampaian, akhlak yang terpuji, emosi dan fikiran yang jelas supaya pelajar dapat kebersamaan dalam memahami sesuatu ilmu yang hendak disampaikan. Hasil daripada pengajaran berlakulah perubahan ke atas pelajar seperti pelajar menjadi lebih baik dan lebih berpengetahuan mengikut bidang yang dipelajari. Kaedah pengajaran boleh ditambahbaik secara berterusan menerusi penyelidikan, pengembangan ilmu, pemantapan kemahiran dan rujukan kepada amalan profesional yang berkaitan. Secara ringkasnya, komponen asas yang membentuk sesuatu proses pengajaran seharusnya mengandungi ciri-ciri berikut iaitu guru, pelajar atau murid, kandungan, kaedah, tujuan, hasil dan penilaian (Noor Hisham, 2011).

Pembelajaran pula bermaksud proses berlakunya komunikasi antara guru dan pelajar supaya pemerolehan ilmu, penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan akhlak dapat dihasilkan. Pengakhiran daripada pembelajaran seharusnya menghasilkan perubahan yang agak kekal kepada pelajar kerana pelajar melibatkan diri dalam proses mendapatkan ilmu itu. Sekiranya dikaitkan dengan pendidikan adab, proses pembelajaran yang betul dan difahami oleh pelajar akan dapat membentuk diri pelajar yang berdisiplin, menghormati ilmu dan gurunya dan seterusnya menjadikan seorang pelajar itu dihormati dan dikagumi selepas tamat pengajian (Noor Hisham, 2011). Pembelajaran boleh berlaku di mana sahaja dan pada bila-bila masa serta kaedah-kaedah pembelajaran juga boleh berubah mengikut keadaan semasa. Seperti mana yang telah disebutkan, kaedah pembelajaran secara *halaqah* pada zaman Rasulullah SAW (Mohd Zahirwan, 2020), kaedah pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas dan kaedah pembelajaran secara dalam talian (Nor Fauziana, 2020). Kaedah pembelajaran juga semakin diperluaskan daripada pembelajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan pelajar yang mana guru bertindak sebagai fasilitator. Kebanyakan institusi pengajian tinggi telah melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar kerana ini akan membantu serta melatih pelajar lebih berinovasi dalam menyelesaikan masalah, mencari sumber rujukan, menonjolkan diri dan lebih berketrampilan sesuai dengan matlamat dan falsafah pendidikan negara yang mahukan pelajar cemerlang dari segi ilmu akademik dan sahsiah diri. (Mohd Zahirwan, 2020).

### 1.3.1 Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT) telah mula mendapat perhatian selepas perkembangan pesat dunia Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Ia telah mengubah kaedah penyampaian ilmu daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran jarak jauh (Kok Boon Shiong, 2016). Tambahan pula, bersesuaian dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 anjakan ke-tujuh mengatakan pelajar dan guru digalakkan bersama-sama memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Justeru, berikutan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh Malaysia disebabkan situasi pandemic Covid-19 telah menyebabkan insititusi

pendidikan terus melaksanakan PdPDT atau PdPR sebagai alternatif kaedah penyampaian ilmu agar proses pembelajaran tidak tertangguh dalam tempoh yang lama.

Maksud “atas talian” atau disebut juga “dalam talian” merupakan terjemahan kepada istilah bahasa Inggeris “*Online*” bermaksud “*connected to and under the control of a central processor*” (Ahmad Zaki Amiruddin, 2014). Berdasarkan definisi ini, difahami bahawa “atas talian” merupakan sesuatu aktiviti yang melibatkan penyambungan kepada sesuatu sistem bagi alatan teknologi tertentu seperti komputer dan sistem itu biasanya adalah internet. Pembelajaran dalam talian dapat dijelaskan sebagai satu kaedah pembelajaran dengan penggunaan data internet untuk mengakses bahan pembelajaran; berinteraksi dengan kandungan, berkomunikasi dengan pengajar dan rakan pelajar; mendapatkan sokongan semasa proses pembelajaran berlaku agar dapat menimba ilmu, membina sesuatu yang bermakna dan dapat berkembang hasil daripada pengalaman pembelajaran (Hshim, 2012). Selain itu, pembelajaran dalam talian memerlukan guru dan pelajar menyediakan peralatan perhubungan seperti telefon pintar, komputer riba, *tablet*, pembesar suara, kamera dan lain-lain lagi. Perisian-perisian atau aplikasi terkini juga perlu disediakan mengikut institusi pendidikan seperti *Learning Management System (LMS)*, *Cidos*, *Microsoft 365*, *Google Classroom* dan lain-lain lagi.

## **2. Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan secara umum bagi mengetahui dan menjelaskan tanggungjawab guru dan pelajar dalam menjaga adab menuntut ilmu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT). Walau bagaimanapun, secara khususnya objektif ini dibuat kerana:

1. Untuk menjelaskan maksud pengajaran dan pembelajaran dalam talian
2. Untuk menjelaskan adab-adab menuntut ilmu dalam Islam
3. Untuk menerangkan tanggungjawab pelajar dan guru dalam menjaga adab menuntut ilmu ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian

## **3. Metodologi**

Kaedah kualitatif adalah kaedah yang telah digunakan bagi menjelaskan tanggungjawab guru dan pelajar dalam menjaga adab menuntut ilmu semasa sesi PdPDT. Rujukan-rujukan ilmiah seperti buku, artikel jurnal, kertas-kertas pembentangan, akhbar serta laman-laman web yang berautoriti telah dikumpul untuk difahami kemudian dibuat kesimpulan bersesuaian dengan pendidikan adab semasa belajar yang kini semakin kurang dipraktikkan tidak kira semasa sesi pembelajaran bersemuka atau di dalam talian. Hal ini telah membawa kepada masalah gejala sosial dari segi keruntuhan akhlak pelajar, tidak menghargai ilmu serta tidak menghormati guru (Yaakub, 2018). Teknik induktif bermaksud membuat kesimpulan dan olahan selepas mendapatkan maklumat yang mana teknik ini telah digunakan untuk menjawab segala permasalahan yang berlaku pada hari ini. Sorotan kajian pula telah diambil daripada kajian terdahulu iaitu Mohd Anuar Mamat (2014) yang telah membuat kajian berkenaan adab-adab guru menurut Imam Abu Hanifah. Ini kerana kajian ini memerlukan guru terlebih dahulu menjaga adab agar menjadi ikutan para pelajar. Seterusnya, Konsep Pendidikan Islam: Adab Guru-Pelajar kajian oleh Adibah (2019) telah dihuraikan



mengikuti isu semasa pembelajaran dalam talian dikalangan para pelajar. Artikel-artikel jurnal berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan persoalan mengenai tanggungjawab juga telah digunakan bagi melengkapkan kajian ini.

#### 4. Dapatan Kajian

Perkembangan teknologi semasa telah membawa banyak kemudahan dalam pelbagai aspek kehidupan. Ini termasuklah dalam bidang pendidikan yang telah membawa perubahan yang besar dalam teknik dan kaedah penyampaian maklumat dan ilmu. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bersemuka yang telah diamalkan sejak dahulu lagi telah berubah kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang sedikit sebanyak telah menghakis pembentukan sahsiah diri pelajar secara langsung atau bersemuka. Pelajar tidak lagi dikawal dan di denda serta tidak lagi perlu mengikuti peraturan sekolah atau institusi pendidikan kerana pelajar hari ini hanya boleh mendapatkan ilmu di rumah atau di mana-mana sahaja. Justeru, adab menuntut ilmu tidak lagi dipandang sebagai sesuatu yang bernilai dan ini menyebabkan salah satu faktor gejala sosial berlaku. Bagi mengatasi permasalahan ini, penegasan semula tanggungjawab dalam menjaga adab menuntut ilmu perlu diwar-warkan kepada umum supaya keberkatan dan ganjaran dalam menuntut ilmu itu tidak disia-siakan. Sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Mujadalah, ayat 11: "Nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darajat". Tanggungjawab keilmuan ini adalah tanggungjawab bersama sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "menuntut ilmu adalah satu kewajiban ke atas muslim dan muslimat (Riwayat Ibnu Majah).

Hasil daripada pembacaan dan membuat beberapa penelitian, kajian ini mendapati berlaku permasalahan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian berlangsung. Adab-adab menuntut ilmu telah mula didedahkan dan dibincangkan semula di kebanyakan penulisan ilmiah dan akhbar *online*, agar dapat memberi peringatan kepada para pelajar dan guru. Maka dengan itu, tanggungjawab menjaga adab perlu dilakukan bersama-sama dengan guru dan pelajar supaya kelangsungan dalam menjaga adab ini akan berterusan hingga ke generasi akan datang. Berdasarkan kefahaman dalam merungkaikan tanggungjawab ini, dapatan kajian telah dibahagikan kepada dua perkara iaitu;

1. Tanggungjawab guru dalam menjaga adab semasa sesi PdPDT, seorang guru mestilah:
  - i. Memperbetulkan niat semata-mata kerana Allah dan bukan kerana hal keduniaan
  - ii. Menguasai ilmu dan kefahaman mengenai perisian komputer dan data internet
  - iii. Menunjukkan contoh yang baik seperti membuka saluran talian lebih awal
  - iv. Memberi perhatian terhadap permasalahan teknikal di kalangan pelajar
  - v. Mendoakan pelajar dan guru terdahulu sebagai menghormati mereka
2. Tanggungjawab pelajar dalam menjaga adab semasa sesi PdPDT, seorang pelajar mestilah:
  - i. Berdoa untuk diri sendiri serta mendoakan juga para gurunya untuk mendapatkan keberkatan ilmu
  - ii. Jujur dan bertanggungjawab sepanjang sesi PdPDT
  - iii. Sentiasa bersedia untuk memulakan sesi PdPDT

- iv. Memuliakan ilmu dengan mendengar dan duduk dengan sopan sepanjang sesi PdPDT
- v. Berusaha menguasai ilmu teknologi untuk memudahkan sesi PdPDT berjalan dengan lancar

## 5. Rumusan

Salah satu faktor kejayaan seorang pelajar dalam pengajiannya adalah menitikberatkan adab-adab menuntut ilmu ketika belajar. Menuntut ilmu adalah suatu kewajiban bagi setiap umat Islam, namun pendidikan adab juga perlu diberi keutamaan sebelum memulakan sesi penyampaian ilmu. Penjagaan adab semasa menuntut ilmu akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT kerana dengan adab, sesuatu ilmu itu akan dijaga dengan baik dan seterusnya ilmu itu akan sentiasa berterusan penyampaiannya hingga hari kiamat. Beradab dengan guru adalah prinsip yang penting bagi seorang penuntut ilmu (Razali, 2019). Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah mengurangkan rasa hormat pelajar terhadap gurunya kerana pelajar beranggapan guru tiada di hadapan mereka dan mereka bebas untuk melakukan apa sahaja semasa sesi PdPDT seperti bermain permainan video sedangkan guru sedang mengajar dihadapan skrin komputer, menutup kamera supaya gerak geri pelajar tidak diketahui guru, meniru jawapan daripada sumber internet dan berada di tempat awam yang tidak sesuai apabila guru bertanyakan soalan. Malah ada juga yang sengaja untuk membuka peranti kamera dengan tujuan untuk menunjukkan sesuatu yang tidak sepatutnya. Permasalahan ini perlu dikaji semula berikutan perubahan pesat penggunaan teknologi masa kini. Kajian-kajian akan datang disyorkan supaya lebih memperincikan lagi tanggungjawab dan peranan yang lebih fokus dan lebih tersasar supaya orang awam dapat memahaminya dengan lebih jelas lagi. Sekiranya adab menuntut ilmu ini diterapkan semula dalam diri setiap pelajar dan guru, tidak kira semasa sesi pembelajaran bersemuka atau dalam talian maka sudah semestinya akan mendapat keredhaan Allah SWT serta mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

## 7. Rujukan

- Adibah Sulaiman@Mohamad, M. A. (2019). Konsep Pendidikan Islam: Adab Guru-Pelajar. *Sains Insani*, 61-67.
- Ahmad Zaki Amiruddin, A. T. (2014). Penggunaan Aplikasi Atas Talian dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada Quizlet.com. *Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan* , (pp. 1-16). Johor.
- Ali Noer, S. T. (2017). Konsep Adab Peserta Didik dalam Pembelajaran Menurut Az-Zarnuji dan Implikasinya terhadap Pendidikan Karakter di Indonesia. *Jurnal Al-Hikmah Vol. 14, No 2*, 181-208.
- Al-Quran Al-Karim. (2017). *Terjemahan Perkata dan Tajwid Berwarna Edisi ke-3*. Selangor: Karya Bestari.

- Bernama. (2020). *Cabaran Mengajar dalam Talian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian> (accessed on Februari 13, 2021).
- Hashim, H. (2020, 8 17). *Adab Tuntut Ilmu Walau Belajar Secara Dalam Talian*. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1870416>
- Hshim, Y. (2012). Penggunaan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG) 2012*. Pahang.
- Idris, K. A. (2020, Januari 1). *Akauntabiliti Menurut Pandangan Islam*. Retrieved from IKIM: <http://www.ikim.gov.my/index.php/2000/01/01/akauntabiliti-menurut-pandangan-islam/> (accessed on Februari 13, 2021).
- Ismail, N. H. (2015, Februari 6). *Adab Menuntut Ilmu Mendapat Berkat*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/02/33534/agama-adab-tuntut-ilmu-mendapat-berkat> (accessed on Februari 13, 2021).
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, cet. 4., tahun 2010.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia. Edisi kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Kok Boon Shiong, S. R. (2016). Sistem Pembelajaran Atas Talian untuk Pelajar dalam Perkhidmatan. *Jurnal Penyelidikan Kent Bil. 1/2016*, 80-91.
- Mamat, M. A. (2014). Adab-Adab Guru Menurut Imam Abu Hanifah: Kajian Terhadap Wasiyyah Abi Hanifah li Abi Yusuf. *Tafhim: IKIM Journal of Isam and the Contemporary World* 7, 97-130.
- Mohd Rashidi Omar, N. A. (2014). Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Perspektif Islam: Kebitaraan Pendekatan Rasulullah SAW Sebagai Pendidik. *Konvensyen Kebitaraan Junjungan Mulia 2014*. Perak.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, H. I. (2020). Manifestasi Kaedah Halaqah Pada Zaman Rasulullah SAW: Aplikasi dalam Sistem Pengajian Pondok Terpilih di Negeri Kelantan. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 51-67.
- Muhammad Atiullah Othman, Indriaty Ismail. (2016). Pengetahuan Sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia Menurut Perspektif Islam. *Islamiyyat* 38(1), 65-70.
- Muhammad Nur Iman Razali, M. Z. (2019). Maqasid Syariah dalam Adab-Adab Menuntut Ilmu Berdasarkan Kitab Ta'lim Wal Muta'alim. *Proceeding of the International CONference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp. 769-780). Terengganu: Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE).

- Muslim, A. H.-K. (2017). Konsep Adab Penuntut Ilmu Menurut Ibn Abd Al-Barr dan Relevansinya dengan Pendidikan Nasional. *Tawazun Volume 10. No 2*, 280-294.
- Nawi, N. H. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran: Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011* (pp. 1-15). Pulau Pinang: UKM.
- Ngadi, E. (2020). Retrieved from USIM: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/> (accessed on Februari 13, 2021).
- Noor, N. A. (2020). Retrieved from <https://webpendidikan.my/5-adab-menuntut-ilmu-secara-atas-talian/> (accessed on Februari 13, 2021).
- Pengajian Atas Talian@E-Pembelajaran: Apa yang Anda Perlu Tahu.* (n.d.). Retrieved from Open University Malaysia: <https://apel.oum.edu.my/blog/2020-07-28-pendidikan-jarak-jauh-apa-yang-anda-perlu-tahu/> (accessed on Februari 13, 2021).
- Salleh, N. F. (2020). Pandemi Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia.
- Sofiah Mohamed, K. A. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika 86(2)*, 31-42.
- Suhaimi, N. S. (2019, Januari 29). *Pelihara Adab Dalam Menuntut Ilmu*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/01/525150/pelihara-adab-dalam-menuntut-ilmu> (accessed on Februari 13, 2021).
- Wan Z. Kamaruddin Wan Ali, A. Z. (2009). Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (al-Taklif) dalam Pemikiran Islam: Penerapan dan Aplikasinya dalam Kehidupan Masyarakat Muslim. 1-14.
- Yaakub, N. (2018). *Adab Menuntut Ilmu: Terap dalam Sistem Pendidikan Negara, Elak Gejala Sosial*. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/4599/1/0748.pdf> (accessed on Februari 13, 2021).